

24/03/1997

Tiada syarat luar biasa (HL)

Izman Ismail

KUALA LUMPUR, Ahad - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, kerajaan tidak bercadang mengenakan sebarang syarat luar biasa kepada Singapura dalam usaha memulihkan hubungan antara kedua-dua negara.

Menurut Perdana Menteri, walaupun kerajaan menganggap isu itu sudah selesai tetapi "luka di hati mengambil masa untuk sembuh."

"Terpulang kepada masa untuk memulihkan hubungan Malaysia dan Singapura," katanya.

Dr Mahathir menjelaskan beliau tidak mahu melanjutkan perbincangan mengenai isu berkenaan.

"Kabinet sudah membuat keputusan dan kita pegang kepada keputusan itu. Kita tak nak apa-apa lagi, walaupun kita berasa perkara ini selesai.

"Kita tidak akan mengenakan syarat luar biasa, biarlah masa yang menentukan," katanya.

"Saya juga tidak mahu membahaskan isu ini lagi tetapi jika ada orang lain, saya tidak tahu," katanya kepada pemberita di Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz di sini sekembalinya dari Riyadh, Arab Saudi, hari ini.

Menteri Kanan Singapura, Lee Kuan Yew dan anaknya, Lee Hsien Loong yang juga Timbalan Perdana Menteri Singapura dalam kenyataan afidavit di sebuah mahkamah di Singapura menyifatkan Johor sebagai `tempat tembak-menembak, menyamun dan merampas kereta'.

Berikutan itu, pelbagai pihak termasuk pembangkang mendesak Lee dan anaknya memohon maaf serta menarik balik kenyataan itu.

Mengulas pandangan pihak tertentu yang tidak berpuas hati kerana hanya Lee memohon maaf, manakala Hsien Loong tidak berbuat demikian, Dr Mahathir berkata, beliau tidak begitu mengambil kira siapa yang berbuat demikian (mohon maaf).

Dalam kenyataannya, Lee Hsien Loong berkata, permintaan maaf oleh bapanya turut mewakili dirinya.

Ditanya sama ada Kerajaan Singapura bertanggungjawab memulakan langkah untuk memulihkan hubungan kedua-dua negara, beliau berkata:

"Saya tidak tahu tanggungjawab kerajaan mana, tapi apa yang saya boleh kata ialah kita berpegang kepada pendirian Kabinet."

(END)